

# Skim yang tak pernah dicuba di mana2

# ASIA LEAGUE KEADILAN

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berbalu meera dengan Haji Kadir Mansor (kiri) dan Enik Mat Dahan Kassim (kanan) selepas penyampaian penyata dividen ASN di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, semalam.

Haji Kadir adalah pelabur tertua yang diberi penghormatan menerima penyata dividenanya. Enik Mat Dahan mewakili sektor nelayan.

No. Siri 2569  
No. Penerimaan 214/85

Oleh BUSTAMAM AHMAD

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Amanah Saham Nasional (ASN) adalah skim keadilan bagi faduah rakyat dan bukannya skim sosialis atau kapitalis.

Menurut Perdana Menteri, ASN adalah skim keadilan yang mana kuasa Kerajaan dan kekayaan negara digunakan untuk mengagihkan "nikmat" kepada seramai-ramainya rakyat.

Berucap di upacara penyampaian penyata keuntungan skim ASN yang dianjurkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM, di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Perdana Menteri dalam nada serius berkata:

"ASN adalah satu skim yang unik dan tidak pernah dicuba di mana-mana tempat pun di dunia.

"Skim ini bukan bertujuan mengambil untung Kerajaan untuk dimaukkan ke dalam akaun rakyat dengan percuma.

"Ia adalah sejenis pelaburan dalam perniagaan di mana risiko untung-rugi masih ada tetapi dilias sedikit oleh Kerajaan".

Datuk Seri Dr. Mahathir menyuruh rakyat yang berpendapatan tetap bulanan, sama ada dalam sektor awam ataupun swasta, supaya menyertai skim itu melalui sistem potongan gaji.

Beliau yakin penyertaan kira-kira 500,000 kakitangan Bumiputera dalam sektor awam dan 1.1 juta lagi di sektor swasta akan dapai menjamin "pencapaian matlamat pelaburan yang kita harapkan".

"Jika lebih dari 500,000 kakitangan Bumiputera di sektor awam dan 1.1

juta lagi di sektor syarikat melabur di dalam skim ini, melalui sistem potongan gaji, saya yakin pertambahan secara konstan setiap tahun akan menjamin pencapaian matlamat pelaburan yang kita harapkan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, skim ASN diwujudkan semata-mata bertujuan melibatkan seramai-ramai Bumiputera di dalam bidang pemilikan saham sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Mungkin ada yang akan mengkritik skim ini kerana kebanyakannya mereka yang tidak mempunyai \$10 tidak dapat melabur. Sebenarnya, dalam dunia perniagaan orang yang membeli saham tidak mungkin membeli kurang dari \$1,000.

"Peluang bagi seseorang yang cuma mampu melabur \$10 adalah peluang luar biasa, terutamanya apabila \$10 dapat membeli 100 saham bernilai \$100. Oleh kerana kemudahan dan kestimevanan ini, ASN telah menjadi satu amanah saham terbesar di Malaysia dengan jumlah pelabur hampir 200,000 orang dan pelaburan \$340 juta," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Pengarah Yayasan Pelaburan Bumiputera berkata, skim tersebut jelas terbukti telah berjaya membahagikan faedah dari pelaburan dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan kepada seramai-ramai Bumiputera di negara ini.

Di samping itu, jelas Perdana Menteri, ia tidak menjejaskan pengurusan syarikat-syarikat berkenaan atau membenarkannya dikongkong oleh sebilangan kecil Bumiputera yang kaya.

"Pembahagian dividen dan bonus berjumlah \$5.12 juta ini membuktikan skim ini adalah amat berfaedah kepada Bumiputera yang melabur di dalamnya.

"Saya harap keuntungan yang diperolehi oleh mereka yang menyertai skim ini serta keupayaan Kerajaan merendahkan had umur penyertaan dari 21 tahun ke tahun mulai 1 Januari tahun ini, akan meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera di dalam skim ini," tegasnya.